



# BAB LIMA



## BAB LIMA

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 RUMUSAN

Harta penama adalah tergolong sebagai salah satu daripada harta peninggalan (pusaka) si mati. Oleh yang demikian, hukumnya adalah sama dengan hukum pembahagian harta pusaka yang mana ia tertakluk kepada pembahagian secara faraid. Penama yang dilantik bertanggungjawab membahagi-bahagikan harta penama tersebut kepada semua ahli waris si mati yang berhak untuk menerima pusaka mengikut cara pembahagian di atas. Sesetengah pendapat yang cuba menyamakan ciri-ciri yang terdapat di dalam harta penama dengan harta hibah dan harta wasiat adalah tidak tepat sama sekali. Ini kerana, terdapat perbezaan-perbezaan yang sangat jelas di antara ketiga-tiga kategori harta tersebut seperti yang telah diperbincangkan dalam bab yang lalu.

Amalan penamaan telah diterimapakai sejak di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*FMS*) lagi. Ini terbukti dengan adanya pertikaian yang melibatkan harta penama ini di mahkamah seawal tahun 1930-an lagi. Walaupun belum ada sebarang fatwa atau rujukan berkaitan dengan harta penama ini, tetapi Hakim Raja Musa di dalam kes *Re Ismail bin Rentah*<sup>1</sup> pada ketika itu telah memberi penghakiman dengan betul dengan menyatakan bahawa harta penama bukanlah harta pemberian hidup ataupun harta wasiat. Beliau juga memerintahkan supaya saham dan faedah milik si mati di dalam syarikat koperasi tersebut dibahagi-bahagikan kepada semua ahli waris mengikut faraid.

---

<sup>1</sup> (1939) *F.M.S.L.R.* 230; (1940) *M.L.J.* 98; (1984) 4 *J.H.* 184.

Walaupun kes ini diputuskan di Mahkamah Sivil tetapi keputusannya adalah selaras dengan kehendak hukum syarak. Hakim di dalam penghakimannya telah merujuk kepada harta hibah dan harta wasiat menurut undang-undang Islam dan beliau berpendapat bahawa harta penama tidak mempunyai persamaan di dalam kedua-dua harta tersebut. Ini menunjukkan bahawa di dalam kes terawal ini, konsep harta penama sebagai salah satu daripada harta peninggalan si mati telah dijelaskan secara tidak langsung oleh hakim tersebut. Seharusnya keputusan di dalam kes inilah yang menjadi duluan mengikat (*binding precedent*) kepada kes-kes yang selepasnya.

Satu kelemahan yang wujud di dalam kes-kes yang diputuskan selepas kes *Re Ismail bin Rentah* ialah ketidakjelasan di kalangan pengamal undang-undang tentang konsep harta penama yang sebenar menurut hukum syarak. Pentafsiran yang diberikan oleh hakim-hakim tersebut lebih menjurus kepada *Common Law* dan sudah tentulah ia bercanggah dengan hukum syarak. Ketidakjelasan ini seharusnya tidak dibiarkan begitu sahaja kerana telah wujud kes terdahulu dalam masalah penamaan ini yang boleh dirujuk iaitu keputusan hakim di dalam kes *Re Ismail bin Rentah*.

Malangnya, hakim-hakim tersebut telah membuat penghakiman dengan berdasarkan kepada seksyen 23 Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67). Tidak kurang juga, terdapat hakim yang bertindak lebih jauh iaitu dengan cuba menyamakan konsep hibah dengan teori amanah (*trust*) di dalam Undang-undang Inggeris.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> Lihat kes Wan Naimah lwn Wan Mohamad Nawawi (1974) 1 *M.L.J.* 41.

Walau bagaimanapun, keputusan hakim yang merujuk kepada seksyen 23 Akta 67 ini adalah tidak tepat. Ini adalah kerana pemakaian seksyen 23 tersebut telah dihalang oleh peruntukan seksyen 25 Akta yang sama yang mana melarang pemakaian seksyen tersebut ke atas orang-orang Islam. Oleh yang demikian, hakim-hakim tidak mempunyai alasan lagi untuk tidak memutuskan harta penama ini sebagai harta pusaka si mati seperti yang dikehendaki oleh hukum syarak.

Keputusan-keputusan mahkamah tersebut juga telah bercanggah dengan fatwa-fatwa yang pernah diwartakan sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri. Fatwa-fatwa tersebut telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam dan telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja sebelum ia dilaksanakan oleh negeri-negeri yang menganggotai majlis tersebut. Malangnya, fatwa-fatwa itu tidak mengikat sebarang keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Sivil walaupun dalam perkara-perkara yang melibatkan hukum syarak. Mahkamah Sivil boleh meminta pandangan daripada Jawatankuasa Fatwa dalam perkara yang berkaitan dengan hukum syarak, akan tetapi mereka tidak terikat dengan pandangan tersebut. Faktor ini adalah punca utama berlakunya percanggahan di antara keputusan mahkamah dengan fatwa-fatwa dalam memutuskan status harta penama.

Di samping itu, kelemahan institusi fatwa itu juga turut menyumbang kepada faktor di atas. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam itu sendiri perlu dipertingkatkan fungsinya. Ini adalah kerana setakat ini, hanya sebelas buah negeri sahaja di Malaysia yang menganggotainya.

Jawatankuasa ini juga dikatakan jarang bersidang tetapi lebih kerap mengadakan muzakarah. Ini kerana, muzakarah boleh diadakan dengan lebih kerap dan ia tidak terikat dengan prosedur Jawatankuasa Fatwa.<sup>3</sup>

Apa yang menimbulkan masalah ialah keputusan yang dicapai dalam muzakarah ini tidak bersifat mengikat (*binding*) negeri-negeri yang menjadi anggotanya. Sesuatu keputusan yang dicapai melalui muzakarah itu akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Fatwa atau Perunding Hukum Syarak negeri-negeri yang menjadi anggota untuk diperbincangkan dengan lebih lanjut. Sekiranya Jawatankuasa tersebut menerimapakai fatwa itu, barulah ia diwartakan dan dikuatkuasakan di peringkat negeri.<sup>4</sup>

Faktor inilah yang menyumbang kepada berlakunya ketidakselarasan fatwa-fatwa yang dikeluarkan di peringkat negeri. Pelbagai pendapat dan hukum yang diberikan oleh fatwa-fatwa dalam satu-satu masalah boleh menimbulkan kekeliruan kepada umat Islam khususnya. Fatwa-fatwa juga tidak dilengkapi dengan sumber rujukan yang lengkap dan berautoriti. Ia juga tidak mempunyai penghujahan yang kukuh bagi menjadikan ia sebagai salah satu kaedah penyelesaian hukum seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang Islam.<sup>5</sup>

Perkembangan positif berhubung dengan amalan penamaan bagi wang simpanan di kebanyakan institusi-institusi kewangan di Malaysia menunjukkan

---

<sup>3</sup> Abdul Monir Yaacob (1998), 'Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia' dalam Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (ed), Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN. Kuala Lumpur: IKIM, hal. 139.

<sup>4</sup> Ahmad Hidayat Buang (2000), (Laporan Projek Penganalisan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia, Julai 2000), hal. 23.

<sup>5</sup> Mohd. Daud Bakar (1997), 'Intrumen Fatwa Dalam Perkembangan Perundangan Islam', *Jurnal Syariah*. Jil. 5 Bil. 1 Januari 1997, hal. 11.

bahawa mereka sudah peka dan sensitif dengan kehendak hukum syarak berkaitan dengan harta penama ini. Penama yang dulunya adalah pemilik mutlak bagi sesuatu harta penama telah digantikan dengan tanggungjawabnya sebagai *wasī* atau pemegang amanah sahaja. Usaha pihak institusi kewangan ini dipermudahkan lagi dengan adanya peruntukan-peruntukan penting di dalam statut-statut tertentu yang dapat mengelakkan percanggahan di antara amalan penamaan dengan hukum syarak.

Walau bagaimanapun, masih wujud lagi institusi kewangan yang tidak mengamalkan penamaan seperti di atas contohnya BSN. Penama di BSN adalah pemilik mutlak ke atas wang simpanan di BSN dan bukannya sebagai pemegang amanah. Ketiadaan sebarang peruntukan undang-undang dalam Akta BSN 1997 (Akta 1997) serta usaha daripada BSN sendiri untuk cuba mengubah situasi ini akan memungkinkan pertikaian yang melibatkan masalah harta penama timbul kembali.

Ketidakseragaman masih wujud dalam amalan penamaan di institusi-institusi kewangan yang mengamalkan penamaan menurut hukum syarak. Berdasarkan kajian yang dilakukan, proses sesuatu penamaan itu tidak selaras kerana ia dibuat berdasarkan kepada polisi sesebuah institusi kewangan terbabit serta berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di dalam akta masing-masing. Butir-butir diri penama yang dilantik yang mesti diisi oleh pelabur atau penyimpan di dalam borang penamaan juga tidak selaras. Terdapat institusi kewangan yang meminta butir-butir diri penama yang lengkap seperti di MCIS, KT, KWSP dan BSN. Sesetengah institusi kewangan pula hanya perlu

memasukkan nama penama serta hubungan atau pertalian di antara penyimpan dengan penama sahaja seperti di TH.

Begitu juga halnya dengan saksi, sesetengah institusi kewangan seperti MCIS, KT, KWSP dan BSN mensyaratkan setiap penamaan mestilah ditandatangani oleh saksi. Tetapi di TH, perakuan oleh saksi tidak diperlukan. Keadaan ini sebenarnya kurang baik dari segi pentadbiran kerana ia akan membuka ruang-ruang yang menyumbang kepada sebarang bentuk penipuan.

Peruntukan-peruntukan di dalam akta-akta yang menjadi asas kepada sesebuah institusi kewangan itu juga tidak selaras. Ada akta yang menjelaskan secara terperinci tentang prosedur penamaan bermula dengan kuasa untuk membuat penamaan, pembatalan penamaan, penamaan bagi orang Islam dan bukan Islam, pembayaran wang bagi yang membuat penamaan dan tidak membuat sebarang penamaan dan sebagainya seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Insurans 1996 (Akta 553). Tidak kurang juga institusi kewangan yang tidak mempunyai peruntukan yang lengkap mengenai penamaan seperti di KWSP atau tidak mempunyai apa-apa peruntukan langsung tentang penamaan seperti di BSN.

Perkara yang paling penting yang perlu dimasukkan di dalam peruntukan-peruntukan tentang penamaan ini adalah peruntukan yang menyebut secara langsung tentang tanggungjawab penama bagi orang-orang Islam iaitu sebagai *wasī* yang bertanggungjawab untuk membahagi-bahagikan wang simpanan si mati kepada ahli-ahli warisnya yang berhak. Peruntukan ini sangat perlu memandangkan ia berupaya untuk membezakan antara penamaan yang

dilaksanakan pada hari ini yang mana ia tidak bercanggah dengan hukum syarak dengan penamaan yang pernah dilaksanakan pada masa dahulu. Ketidakselarasan yang wujud boleh menyebabkan sesuatu prosedur penamaan di institusi-institusi kewangan itu kurang cekap dan tidak sistematik.

## 5.2 CADANGAN

Berdasarkan kepada kajian-kajian dan pemerhatian-pemerhatian yang telah dilakukan, adalah dicadangkan bahawa:

- (1) Langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil bagi memastikan penyelarasan fatwa-fatwa yang dikeluarkan sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri-negeri dapat dilaksanakan. Ini boleh dilakukan dengan menyelaraskan semua fatwa yang terdapat di negeri-negeri melalui fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam. Di samping itu, fatwa yang dikeluarkan juga haruslah disertai dengan alasan dan penghujahan yang sempurna seperti mana yang dilakukan oleh pihak hakim di mahkamah. Ini adalah perlu bagi memastikan fatwa itu dapat diterima dengan penuh keyakinan oleh semua pihak dan bagi memudahkan masyarakat memahami fungsi serta autoriti fatwa itu sendiri. Sekiranya perlu, fatwa itu boleh dikaji semula oleh pihak lain sekiranya alasan penghujahan tadi tidak mantap dan meragukan.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> *Ibid.*



(2) Penama bagi orang-orang Islam yang dilantik perlu mengetahui dengan jelas dan sedar bahawa beliau telah dilantik sebagai *wasī* atau pemegang amanah oleh pihak-pihak tertentu. Ini adalah penting kerana pada hari ini, perlantikan penama yang dibuat di institusi-institusi kewangan hanya berdasarkan kepada kehendak penyimpan (si mati) dan mendapat kelulusan daripada pihak institusi tersebut. Pihak penama yang dilantik tidak diberi sebarang pemberitahuan tentang perlantikan itu oleh si mati sendiri ataupun oleh pihak institusi kewangan terbabit samada sebelum atau selepas perlantikan dibuat.

Pihak institusi kewangan sepatutnya mengambil inisiatif untuk memberitahu penama-penama tentang perlantikan mereka sebagai *wasī* bagi wang simpanan milik seseorang penyimpan. Bagi pihak *wasī* pula, mereka hendaklah jelas dan sedar bahawa mereka telah dilantik sebagai penama dan dengan rela hati bersedia untuk menerima tanggungjawab ini.<sup>7</sup> Sekiranya tidak, mereka perlu diberi pilihan untuk menolak perlantikan tersebut dan penamaan yang baru perlu dibuat semula. Perkara ini memerlukan kepada peruntukan yang lebih konkrit dan perlu dimasukkan ke dalam statut untuk tujuan pelaksanaan dan penguatkuasaan.

(3) Seseorang yang dilantik sebagai *wasī* perlu memenuhi syarat-syarat tertentu bagi membolehkan beliau dilantik sebagai *wasī*. Ini adalah kerana tanggungjawab sebagai *wasī* ini adalah sangat berat dan hanya orang yang benar-benar layak sahaja yang boleh dipertanggungjawabkan dengan amanah ini. Syarak

---

<sup>7</sup> Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff (1986), *Wasiat dalam Islam: Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*. Bangi: UKM, hal. 69.

menetapkan beberapa syarat yang perlu ada bagi seseorang *waṣī* seperti Islam, dewasa, berakal, amanah dan sebagainya.<sup>8</sup>

Sekiranya *waṣī* yang dilantik tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tadi, maka penamaan tersebut hendaklah terbatal. Dalam menentukan sama ada seseorang itu layak menjadi *waṣī* atau sebaliknya, bidangkuasa perlu diberikan kepada Mahkamah Syariah atau Kadi untuk menentukan hal ini.<sup>9</sup> Keputusan yang dibuat ini akan dimajukan kepada pihak institusi kewangan, dan seterusnya mereka akan memberitahu pihak *waṣī* sama ada beliau layak dilantik sebagai *waṣī* atau sebaliknya berdasarkan keputusan tersebut. Perkara ini juga perlu dimasukkan ke dalam peruntukan bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

(4) Penamaan haruslah dibuat dengan menggunakan borang penamaan yang lebih jelas dan tepat ayat-ayat penamaannya bagi menggambarkan tujuan perlantikan itu dibuat. Borang penamaan yang digunakan di institusi-institusi kewangan hari ini tidak menggunakan ayat penamaan dengan tepat. Apa yang perlu hanyalah memasukkan butir-butir peribadi penama yang dilantik serta pertalian di antara penama dengan orang yang menamakan sahaja.

Penulis mencadangkan agar borang-borang penamaan dibuat dengan menggunakan ayat-ayat penamaan seperti yang terdapat di dalam borang penamaan di MCIS Insurance Berhad yang berbunyi: "*Saya dengan ini melantik nama-nama seperti berikut sebagai penama-penama atas polisi ini*

<sup>8</sup> al-Syarbini (t.t), *Mughni al-Muhtaj*, Jil. 3, Bayrūt: Dar al-Fikr, hal. 74-75.

<sup>9</sup> Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff, *op.cit.*, hal. 69.

*berasaskan daripada borang cadangan yang diterima*". Ayat ini juga perlu ditambah dengan turut memasukkan tanggungjawab *waṣī* iaitu membahagi-bahagikan wang itu kepada semua ahli waris. Penamaan yang dibuat tadi mestilah juga disaksikan dan ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi bagi membolehkan penamaan itu lebih berautoriti dari segi undang-undang Islam. Penamaan itu juga mesti ditandatangani oleh penama-penama yang dilantik sebagai tanda persetujuan mereka atas perantaraan tersebut.

(5) Sesetengah institusi kewangan juga turut memasukkan kadar atau bahagian yang akan diterima oleh *waṣī* (sekiranya lebih daripada seorang). Kadar atau bahagian ini ditentukan oleh penyimpan itu sendiri. Sepatutnya ia tidak perlu ditentukan dan dimasukkan ke dalam borang penamaan. Ini kerana, pada pandangan penulis, *waṣī* adalah orang yang bertanggungjawab untuk membahagi-bahagikan wang simpanan si mati kepada semua ahli waris si mati.

Oleh yang demikian, sekiranya wang tersebut tidak sepenuhnya diterima oleh *waṣī* kerana sebahagian lagi diserahkan kepada *waṣī* yang lain, sudah tentu tanggungjawab pembahagian wang tersebut akan menjadi sukar. Adalah lebih baik sekiranya kadar atau bahagian ini tidak dimasukkan di dalam borang penamaan dan wang simpanan tersebut diserahkan sepenuhnya kepada *waṣī* yang pertama. *Waṣī* yang kedua dan seterusnya hanya akan mengambil alih tanggungjawab itu sekiranya berlaku kematian kepada *waṣī* yang pertama tadi. Cara demikian adalah lebih praktikal.

Namun begitu, sekiranya kadar atau bahagian ini terus dikekalkan dan dilaksanakan, perlu ada keselarasan di antara institusi-institusi kewangan di Malaysia tentang kadar pembahagian wang yang hendak diserahkan oleh penyimpan kepada *wasī* setelah kematian beliau. Pada hari ini, tidak ada keselarasan tentang kadar pembahagian tersebut dibuat oleh mana-mana institusi-institusi kewangan. Semuanya adalah tertakluk kepada budi bicara penyimpan itu sendiri. Penyelarasan kadar ini perlu dibuat memandangkan ia akan memudahkan urusan penyerahan wang simpanan si mati kepada *wasī-wasī* oleh pihak institusi kewangan sama ada satu perdua, satu pertiga dan sebagainya daripada jumlah keseluruhan wang si mati. Perkara ini juga perlu dimasukkan dalam peruntukan bagi memastikan keselarasan perlaksanaannya .

(6) Untuk menyelaraskan prosedur-prosedur penamaan di semua institusi-institusi kewangan di Malaysia, penulis mencadangkan agar digubal suatu akta yang dinamakan sebagai 'Akta Penamaan' (*Nomination Act*). Melalui akta ini, semua aktiviti penamaan di institusi-institusi kewangan serta peruntukan-peruntukan tentang penamaan dapat diselaraskan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang digubal di dalam akta tersebut. Peruntukan-peruntukan di dalam 'Akta Penamaan' mestilah lengkap dan meliputi kesemua hal-hal yang berkaitan dengan penamaan sama ada bagi orang-orang Islam atau bukan Islam. 'Akta Penamaan' ini juga hendaklah terpakai bagi semua institusi-institusi kewangan di seluruh Malaysia. Melalui akta ini, amalan penamaan di institusi-institusi kewangan akan dapat dikawal dan akan wujud penyelarasan dari segi undang-undang dalam masalah penamaan ini.

(7) Melalui akta itu juga, perlu digubal peruntukan yang boleh memaksa atau mewajibkan penama membahagi-bahagikan harta penama mengikut hukum faraid kepada semua ahli waris si mati yang berhak. Sekiranya beliau didapati melanggar atau tidak mematuhi peruntukan tersebut, beliau hendaklah dikenakan tindakan undang-undang atau penalti yang setimpal dengan kesalahan tersebut. Kesemua perkara ini hendaklah dimasukkan ke dalam peruntukan akta tersebut. Hal ini adalah sangat penting memandangkan sehingga hari ini, belum wujud peruntukan yang khusus mengenai perkara tersebut di dalam mana-mana statut di Malaysia.

Pembahagian harta penama kepada ahli waris yang diamalkan pada hari ini hanya semata-mata bergantung kepada amanah atau tidak penama yang dilantik. Pihak institusi-institusi kewangan hanya mengingatkan para penama yang beragama Islam tentang tanggungjawab sebagai penama, tetapi mereka tidak boleh mengenakan apa-apa tindakan undang-undang sekiranya penama tidak mematuhi arahan tersebut. Pihak waris yang tidak mendapat bahagian daripada harta tersebut boleh mengemukakan tuntutan mereka ke mahkamah. Akan tetapi, proses perceraian biasanya akan memakan masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi dan keadaan ini sudah tentu akan membebankan para waris yang terlibat.

(8) Akta KWSP 1991 (Akta 452) wajar dipinda dengan memasukkan peruntukan yang berkaitan dengan tanggungjawab penama bagi orang-orang Islam untuk membahagi-bahagikan wang simpanan KWSP mengikut hukum faraid. Tindakan KWSP yang sentiasa memberi peringatan kepada ahli-ahlinya tentang perkara ini adalah sangat wajar, tetapi ia perlulah diperuntukkan dan

dikuatkuasakan melalui peruntukan-peruntukan yang digubal di dalam Akta 452 agar amalan penamaan lebih kemas dan teratur. Perkara ini juga turut disarankan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan dalam fatwa yang telah dikeluarkan pada 19 September 2000 yang lalu (lihat lampiran 1). Pihak KWSP perlu mengambil tindakan segera bagi memastikan saranan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan itu dapat dilaksanakan demi kebaikan semua pencarum dan penama di KWSP terutamanya yang beragama Islam.

Semoga dengan usaha penulis menjalankan kajian terhadap masalah harta penama dan penamaan yang terdapat di institusi-institusi kewangan di Malaysia ini dapat menjelaskan segala kekeliruan dan permasalahan yang timbul berkaitan dengannya. Penulis juga mengharapkan agar kajian ini dapat dimanfaatkan dan dijadikan panduan bagi diri penulis sendiri khususnya dan bagi seluruh umat Islam amnya, *insyāallah*.